

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

MMA gesa perjelas punca kekurangan doktor pelatih

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan punca kekurangan doktor pelatih susulan laporan portal berita kesihatan *CodeBlue*.

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata portal berita itu baru-baru ini melaporkan kekurangan doktor pelatih yang meruncing itu menyebabkan Jabatan Perubatan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) terpaksa mengguna pakai protokol tiada doktor pelatih (Zero HO).

"Sebarang kekurangan doktor pelatih di fasiliti kesihatan adalah membimbangkan kerana ia memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.

"Lebih 70 peratus populasi dalam negara ini bergantung kepada sistem penjagaan kesihatan awam demi mendapatkan keperluan penjagaan kesihatan.

"Jadi, adalah mengelirukan jika mendengar terdapat kekurangan doktor pelatih kerana kira-kira 3,000 hingga 5,000 graduan perubatan dihasilkan setiap tahun," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Dr Azizan berkata, pihaknya juga ingin mengetahui jumlah graduan perubatan yang sudah memasuki sistem penjagaan kesihatan negara dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini dan mereka yang meletakkan jawatan, selain mempersoalkan berapa ramai yang tidak berminat dengan kerja klinikal itu.

"Portal eHO disediakan untuk graduan perubatan memilih lokasi pilihan untuk penempatan mereka, namun adakah mereka memohonnya dan adakah graduan perubatan terlalu memilih tempat mereka ingin berkhidmat.

"Selain itu, ada sentimen menunjukkan terdapat gangguan dalam sistem eHO. Kita harap langkah mencukupi diambil kerajaan untuk menyelesaikan isu teknikal seperti itu," katanya.

Beliau berkata, penjelasan kepimpinan KKM akan membantu meredakan kebimbangan diutarakan petugas kesihatan dan orang ramai mengenai kekurangan doktor pelatih ini.

"*CodeBlue* melaporkan Jabatan Perubatan PPUM sedang menamatkan perkhidmatan tertentu dan mengumpul kes penjagaan suboptimum akibat kekurangan tenaga kerja.

"Penamatan perkhidmatan yang membimbangkan ini perlu ditangani kerana PPUM hospital awam utama yang memberi khidmat penjagaan kesihatan kepada penduduk di sekitar Petaling Jaya, Selangor," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Kesesakan pesakit di dua zon HSA akan dikurangkan

Johor Bahru: Kesesakan pesakit di zon semi kritikal dan kritikal di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini akan dikurangkan.

Jaminan itu diberikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dalam ciapan di akaun X, semalam.

Ia susulan notis zon hijau di Jabatan Kecemasan dan Trauma HSA ditutup bermula jam 2 petang hingga 9 malam, pada Rabu lalu.

Susulan itu, ada pengguna X

mempersoalkan sama ada penutupan Zon Hijau itu menandakan sistem kesihatan di Johor Bahru di ambang kelumpuhan berikutan lambakan pesakit di zon semi kritikal dan kritikal HSA.

Dr Dzulkefly memberi jaminan perkara itu tidak akan berlaku di HSA.

"Insya-Allah tidak (sistem kesihatan lumpuh), namun kesesakan perlu kita kurangkan.

"Ini (penutupan Zon Hijau HSA) mekanisma Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengu-

rangkan waktu menunggu di jabatan kecemasan.

"Ia diaktifkan apabila ada lonjakan kes menunggu (membabitkan pesakit) tidak kritikal di zon kecemasan. Ini bagi mengurangkan masa menunggu. Harap maklum," katanya menerusi ciapan di akaun X semalam.

Semalam media melaporkan, penutupan sementara rawatan di Zon Hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma HSA, di sini, kelmarin adalah bagi menampung peningkatan pesakit Zon Kuning serta Zon Merah yang

melebihi kapasiti.

Pengarah HSA, Dr Sal Atan, bagaimanapun dilaporkan berkata perkhidmatan rawatan di zon itu dibuka semula pada hari sama kira-kira jam 5 petang meskipun notis pemakluman menyatakan ia ditutup dari jam 2 petang hingga 9 malam.

"Pihak pengurusan hospital mengambil maklum (kekeliruan) notis itu, penutupan sementara yang dimaksudkan ialah semua pesakit yang di triaj ke Zon Hijau diubah hala ke Klinik Kesihatan Mahmoodiah," katanya.

Masalah kesesakan dan lambakan pesakit yang berlaku di HSA sering dilaporkan media sebelum ini, malah, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi pernah mengadakan lawatan ke hospital berkenaan susulan isu kesesakan di HSA.

Pada 16 Jun lalu, Onn Hafiz, dilaporkan berkata masalah kesesakan yang berlaku sekian lama di HSA dijangka akan berkurangan dengan jaminan penambahan petugas kesihatan di di hospital awam itu oleh KKM.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : BISNES

Kemudahan kesihatan bertaraf dunia tarik pelancong

Prospek bagi pelancongan kesihatan di Malaysia masih positif hasil kemudahan dan perkhidmatan bertaraf dunia yang disediakan pada harga setara dengan pasaran, di samping mudah mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan dan komunikasi dengan pakar perubatan.

Penganalisis RHB Investment Bank, Oong Chun Sung, berkata mengikut semakan bank pelaburan itu bersama Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), pelancongan kesihatan di negara ini dianggarkan menjana hasil RM2 bilion pada 2023, sekali gus mengatasi paras puncaknya sebelum pandemik iaitu RM1.7 bilion pada 2019.

"Bagi mengukuhkan lagi landskap pelancongan kesihatan, MHTC merangka beberapa inisiatif seperti Program Hospital Pelancongan Perubatan Perdana, jualan silang pelancongan kesihatan dan perkhidmatan serta kemudahan penjagaan kesihatan, pendigitalan khidmat pelanggan, selain mengenal pasti dan membangunkan peluang pasaran baharu," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Beliau berkata, RHB Investment Bank menjangka pertumbuhan perolehan bagi sektor penjagaan kesihatan berterusan ke tahun ini, diperkukuh oleh permintaan yang agak tidak anjal, kesedaran lebih tinggi mengenai kesihatan dalam kalangan pengguna, selain keadaan masyarakat yang semakin menua memacu prospek pertumbuhan pembuat ubat-ubatan generik dalam jangka sederhana hingga panjang.

"Walaupun sektor ini dilihat selamat untuk pelaburan, kami tetap menyarankan pelabur memilih syarikat yang menumpukan operasi dalam pasaran tempatan kerana perolehan mereka seharusnya lebih stabil," katanya.

Mengenai prospek syarikat dalam sektor ini, Chun Sung berkata, tumpuan utama KPJ Healthcare pada 2024 membabitkan peningkatan kecekapan, terutama hospital yang sedang menunggu hasil dan lebih penting lagi, menaikkan potensi penilaian syarikat itu dengan objektif utama untuk merapatkan jurang penilaiannya dengan IHH Healthcare.

"Bagi IHH pula, kami menjangka ia terus menumpu kepada penambahan katil seperti digariskan melalui sasaran jumlah katil baharu untuk lima tahun sebanyak 3,800 unit.

"Dengan keadaan inflasi yang amat tinggi di Turki sekarang, kami yakin IHH terus mempelbagaikan hasilnya ke arah pesakit yang membayar dalam mata wang selain lira Turki, sambil membuat penyesuaian harga pada masa yang berseesuaian demi mengurangkan sebarang tekanan kos," katanya.